

MAKLUMAT KOLEJ KOMUNITI

Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) merupakan institusi pendidikan yang menyediakan pelbagai latihan dan kemahiran peringkat sijil serta program jangka pendek kepada pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV), pekerja dan kumpulan lain dalam masyarakat setempat.

Kolej Komuniti mula beroperasi dengan sepuluh buah kolej perintis pada Jun 2001 dan kini bilangannya telah meningkat kepada 38 buah kolej komuniti dan 18 buah cawangan di seluruh negara.

A. OBJEKTIF

Menyediakan pendidikan dan latihan yang dinamik dan berkualiti dengan:

- Menganjur dan mewujudkan laluan alternatif kepada lepasan menengah;
- Menganjur dan menyediakan pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan (K-communities);
- Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (up-skilling) dan melatih semula (re-skilling) untuk keperluan tenaga kerja setempat;
- Menyediakan rangkaian strategik (strategic networking) untuk pengukuhan aktiviti sosioekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh (stakeholder);
- Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti.

B. SENARAI KOD KOLEJ KOMUNITI KPT

Kolej Komuniti	Kod
Kolej Komuniti Teluk Intan, Perak	A01
Kolej Komuniti Cawangan Manjung, Perak	A11
Kolej Komuniti Chenderoh, Perak	A02
Kolej Komuniti Gerik, Perak	A03
Kolej Komuniti Sungai Siput, Perak	A04
Kolej Komuniti Pasir Salak, Perak	A05
Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor	B01
Kolej Komuniti Cawangan Tanjung Karang, Selangor	B11
Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor	B02
Kolej Komuniti Cawangan Klang, Selangor	B12
Kolej Komuniti Hulu Selangor, Selangor	B03

Kolej Komuniti	Kod
Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor	B04
Kolej Komuniti Selayang, Selangor	B05
Kolej Komuniti Kuantan, Pahang	C01
Kolej Komuniti Bentong, Pahang	C02
Kolej Komuniti Cawangan Raub, Pahang	C12
Kolej Komuniti Temerloh, Pahang	C03
Kolej Komuniti Paya Besar, Pahang	C04
Kolej Komuniti Rompin, Pahang	C05
Kolej Komuniti Segamat, Johor	J01
Kolej Komuniti Ledang, Johor	J02
Kolej Komuniti Cawangan Pagoh, Johor	J12
Kolej Komuniti Cawangan Muar, Johor	J22
Kolej Komuniti Bandar Penawar, Johor	J03
Kolej Komuniti Segamat 2, Johor	J04
Kolej Komuniti Pasir Gudang, Johor	J05
Kolej Komuniti Tanjung Piai, Johor	J15
Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Kedah	K01
Kolej Komuniti Cawangan Bandar Baharu, Kedah	K11
Kolej Komuniti Cawangan Jerai, Kedah	K21
Kolej Komuniti Sungai Petani, Kedah	K02
Kolej Komuniti Cawangan Baling, Kedah	K22
Kolej Komuniti Cawangan Jeli, Kelantan	K32
Kolej Komuniti Kulim	K03
Kolej Komuniti Langkawi	K04
Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka	M01
Kolej Komuniti Cawangan Kota Melaka, Melaka	M11
Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka	M02
Kolej Komuniti Selandar, Melaka	M03
Kolej Komuniti Jasin, Melaka	M04

Kolej Komuniti	Kod
Kolej Komuniti Jempol, Negeri Sembilan	N01
Kolej Komuniti Jelevu, Negeri Sembilan	N02
Kolej Komuniti Kepala Batas, Pulau Pinang	P01
Kolej Komuniti Cawangan Nibong Tebal, Pulau Pinang	P11
Kolej Komuniti Cawangan Bukit Mertajam, Pulau Pinang	P21
Kolej Komuniti Bayan Baru, Pulau Pinang	P02
Kolej Komuniti Kuching, Sarawak	Q01
Kolej Komuniti Mas Gading, Sarawak	Q02
Kolej Komuniti Cawangan Santubong, Sarawak	Q12
Kolej Komuniti Cawangan Betong, Sarawak	Q22
Kolej Komuniti Arau, Perlis	R01
Kolej Komuniti Tawau, Sabah	S01
Kolej Komuniti Cawangan Semporna, Sabah	S11
Kolej Komuniti Kok Lanas, Kelantan	D01
Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Terengganu	T01
Kolej Komuniti Kuala Cawangan Pasir Mas, Kelantan	T11
Kolej Komuniti Cawangan Kemaman, Terengganu	T21

C. KURSUS - KURSUS YANG DITAWARKAN

Kolej Komuniti KPT menawarkan program berbentuk formal dan tidak formal yang menitikberatkan kemahiran.

D. TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh minimum pengajian bagi semua program sijil ialah dua tahun (4 semester) dan tempoh maksimum ialah lima tahun (10 semester).

E. LATIHAN INDUSTRI

Setiap pelajar diwajibkan menjalani dan lulus latihan industri (LI) selama satu semester (enam bulan). LI dijalankan pada semester ketiga bagi program peringkat sijil, bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang alam pekerjaan sebenar serta memberi peluang untuk menghubungkan latihan dan teori.

F. BAYARAN YANG DIKENAKAN

- i. Yuran Pengajian
RM200.00 setiap semester pengajian.
- ii. Yuran Pelbagai
RM 210.00 dibayar semasa pendaftaran semester pertama sahaja.

G. PENGINAPAN/ASRAMA

Kolej Komuniti KPT tidak menyediakan penginapan/asrama. Walau bagaimanapun, pihak Kolej Komuniti akan membantu dalam urusan penginapan pelajar.

H. BANTUAN KEWANGAN

- (i) **Elaun** : Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti.
 - Hanya pelajar yang layak boleh memohon.
- (ii) **Pinjaman** : Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP), KPT.
 - Semua pelajar boleh memohon.

Pelajar juga boleh memohon bantuan kewangan/biasiswa/pinjaman dari mana - mana penaja yang lain. Pelajar boleh menggunakan surat tawaran pengajian Kolej Komuniti KPT untuk tujuan tersebut.

I. SYARAT KELAYAKAN MASUK

1. Calon mestilah **WARGANEGARA** Malaysia.
2. Lulus peperiksaan **SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)** atau **SIJIL PELAJARAN MALAYSIA VOKASIONAL (SPMV) – Lulus Bahasa Melayu.**

Nota :

Pelajar lepasan Sekolah Menengah Teknik dalam aliran vokasional digalakkan memohon

J. SINOPSIS KURSUS

V01 - SIJIL MULTIMEDIA KREATIF (ANIMASI) – (SAN) *CERTIFICATE IN CREATIVE MULTIMEDIA (ANIMATION)*

Dalam program ini pelajar akan diberikan kemahiran dalam mereka bentuk dan mempersembahkan animasi 2D dan 3D melalui komputer dan internet. Modul kursus ini merangkumi Lukisan Komputer Grafik, Penyuntingan Video Digital, Aplikasi Komputer Animasi 2D dan 3D serta Rekabentuk Animasi 2D dan 3D di dalam laman web.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pelukis Lukisan Karektor 2D dan 3D di bidang penyiaran, penerbitan dan pengiklanan
- Pembina Perkakasan Multimedia
- Penyunting Video dan Audio
- Pereka Grafik
- Animator
- Pembantu Produksi Filem

V02 - SIJIL TEKNOLOGI PEMBUATAN BERSEPADU – (STB) *CERTIFICATE IN INTEGRATED MANUFACTURING TECHNOLOGY*

Program ini menggabungkan bidang automasi dan pembuatan. Program ini mendedahkan dan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran penggunaan mesin-mesin CNC dan EDM, mikro pemprosesan, PLC, pneumatik, dan mekanisme penghantaran kuasa, pembangunan prototaip, sistem pembuatan terbantu komputer seperti CAD/CAM/CAE, sistem pembuatan berintegrasikan komputer seperti FMS dan CIM serta teknologi elektrik dan sistem berdigit.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Juruteknik di sektor awam dan swasta
- Penyelia industri elektrik
- Penyelenggara dan Pembaikpulih mesin
- Pelukis CAD/CAM

V03 - SIJIL AUTOMOTIF – (SAU) *CERTIFICATE IN AUTOMOTIVE*

Program ini merangkumi bidang teknologi terkini yang melibatkan peralatan menguji/mendiagnosis kenderaan bermotor. Aspek penggunaan komputer dalam bidang automotif juga diberi penekanan. Program ini meliputi pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan penyenggaraan asas dan penjagaan kenderaan, merombak rawat enjin, komunikasi grafik dan CAD, sistem elektrik kenderaan, kerja kimpalan dan pembaikan kenderaan, pengurusan pusat servis peralatan elektrik dan elektronik automotif serta pelbagai sistem dalam kenderaan.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pembaikpulih dan Penyenggara kenderaan bermotor
- Pembantu Mekanik
- Juruteknik
- Penyelia pusat servis
- Penyelia perkakasan bengkel
- Pengusaha bengkel

V04 - SIJIL PELUKIS PELAN SENI BINA – (SPS)
CERTIFICATE IN ARCHITECTURAL PLAN DRAFTING

Program ini melatih pelajar sehingga dapat menghasilkan lukisan kerja seni bina (*Architectural working drawing*), membuat lukisan bagi kerja tambahan/pengubahsuaian bangunan kecil, menggunakan pelbagai teknik *rendering*, pembuatan model serta memahami dan mentafsir peraturan kecil bangunan.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pelukis Pelan
- Pereka Lanskap
- Juruteknik
- Perekabentuk Terbantu Komputer (CAD)
- Perekabentuk Model Bangunan

V05 - SIJIL PENYENGGARAAN BANGUNAN – (SBM)
CERTIFICATE IN BUILDING MAINTENANCE

Program ini melatih pelajar dalam penyenggaraan bangunan. Ia meliputi kerja-kerja menyenggara peralatan penyamanan udara dan pengalih udara, membaiki kerosakan (elektrikal dan mekanikal) pada peralatan penyamanan udara dan pengalih udara, menyenggara dan membaiki kerosakan pada sistem bekalan air dan sistem pengepam air bangunan, menyenggara peralatan pencegahan kebakaran dan menyenggara sistem elektrik.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Juruteknik
- Penyenggara Sistem Bangunan (seperti sistem elektrik, lif, bomba, paip, penyaman udara)
- Juruteknik Mekanikal dan Elektrikal

V06 - SIJIL TEKNOLOGI ELEKTRIK (PEMASANGAN DAN PERKHIDMATAN) – (STE)
CERTIFICATE IN ELECTRICAL TECHNOLOGY (INSTALLATION & SERVICING)

Program ini meliputi pengetahuan teori dan amali dalam bidang teknologi elektrik, elektronik, kawalan dan komputer yang merangkumi modul amalan keselamatan, asas elektrik dan elektronik, pemasangan domestik dan industri, pemasangan motor, *Programmable Logic Controller (PLC)*, asas kawalan motor, penyenggaraan peralatan dan *electrical switchboard* dan *switchgear*, aplikasi komputer dan perisian AutoCAD.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Juruteknik Elektrik
- Pendawai Litar
- Kontraktor Elektrik.

V07 - SIJIL SISTEM KOMPUTER DAN SOKONGAN – (SKS)
CERTIFICATE IN COMPUTER SYSTEM AND SUPPORT

Program ini menekankan kepada kemahiran asas dalam bidang sistem komputer, rangkaian serta perisian sistem pengoperasian di samping kemahiran asas untuk membuat pemasangan dan rangkaian serta memahami konsep-konsep pembangunan internet. Modul yang ditawarkan meliputi asas elektronik, alatan pengukuran asas, sistem komputer, penyenggaraan peralatan komputer, penyenggaraan *peripheral* (printer, modem dsb) dan penyenggaraan rangkaian.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Juruteknik Komputer
- Juruteknik Rangkaian
- Usahawan ICT

V08 - SIJIL HOTEL & KATERING – (SHK)
CERTIFICATE IN HOTEL & CATERING

Program ini memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar dalam bidang *Front Office*, operasi dapur, penyediaan dan penyajian makanan dan minuman, pengemasan, promosi, simpankira dan perhubungan pelanggan. Dengan pengetahuan dan kemahiran seperti di atas, pelajar dapat memulakan perniagaan mereka sendiri.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pembantu Chef
- Penyelia Makanan dan Minuman
- *Housekeeper*
- Pramusaji
- Usahawan Katering

V09 - SIJIL FESYEN DAN PAKAIAN – (SFP)
CERTIFICATE IN FASHION AND APPAREL DESIGN

Program ini menekankan kepada kreativiti dan teknik pembuatan pakaian, pemahaman pabrik dan keusahawanan. Modul seni reka fesyen ditawarkan dalam tiga peringkat untuk memberi pendedahan kepada pelajar dari sudut pemahaman mengenai daya intelektual dan artistik (seni) yang menentukan rekaan fesyen dan pakaian di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pereka Fesyen
- Usahawan (butik)
- Tukang Jahit
- Juruteknik Pakaian

V10 - SIJIL PEMROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN – (SPK)
CERTIFICATE IN FOOD PROCESSING AND QUALITY CONTROL

Program ini meliputi latihan kemahiran dalam bidang pemprosesan makanan dan kawalan mutu hasil makanan. Modul yang ditawarkan merangkumi pemprosesan dan pembungkusan semua kategori makanan khususnya yang bersumberkan bahan mentah tempatan. Ini termasuklah pemprosesan dan kaedah pengawetan buah-buahan, sayur-sayuran, ikan dan hasil laut, daging, ayam, telur, hasil koko, gula, bakeri, minyak dan makan ringan tempatan. Di samping itu, pelajar juga didedahkan kepada aspek pengawalan mutu makanan, baik semasa atau selepas pemprosesan, aspek kandungan makanan dan pemakanan, menguji dan menganalisis makanan, perundangan yang berkaitan makanan serta pengurusan dan pemasaran hasil makanan.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Usahawan Pengeluaran Produk Makanan
- Pembantu Kawalan Mutu Makanan
- Pembantu Pengeluar Makanan

V11 - SIJIL TEKNOLOGI PEMBINAAN – (STP)
CERTIFICATE IN CONSTRUCTION TECHNOLOGY

Program ini akan melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pembinaan termasuk pengurusan pembinaan, penentuan kuantiti dan kos, memahami dan menyediakan lukisan pembinaan (manual dan CAD), memulakan kerja dan penyeliaan tapak pembinaan dan menjalankan ujian untuk kawalan mutu.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Kontraktor
- Penyelia Tapak
- Juruteknik
- Pembantu Jurukur Bahan
- Pelukis Pelan Bangunan

V12 - SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT – (STM) CERTIFICATE IN INFORMATION TECHNOLOGY

Program ini merangkumi modul asas dalam bidang ICT seperti Komunikasi Data, Sistem Rangkaian, Sistem Pengoperasian, Bahasa Pengaturcaraan (C/C++ dan Visual Basic), Pangkalan Data Internet, Multimedia dan Pembangunan Laman Web. Program ini juga mengandungi modul lain seperti pemasangan komputer dan Sistem Digital.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pembangun Sistem (*Programmer*)
- Pembangun Laman Web
- Pembantu Juruanalisis Sistem
- Penyenggara Sistem
- Usahawan ICT
- Juruteknik Komputer

V13 - SIJIL PERAKAUNAN PERNIAGAAN – (SPP) CERTIFICATE IN BUSINESS ACCOUNTING

Program ini akan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan berkaitan konsep dan prinsip perakaunan, penyediaan penyata kewangan, pendedahan disiplin ilmu (pemasaran, undang-undang perniagaan dan syarikat, pengauditan, percukaian, statistik dan *costing*), penerapan nilai keusahawanan dan perakaunan berkomputer.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pembantu Akauntan
- Kerani Akaun
- Pembantu Audit
- Juruwang
- Usahawan

V14 - SIJIL MULTIMEDIA KREATIF (PENGIKLANAN) – (SMP)
CERTIFICATE IN CREATIVE MULTIMEDIA (ADVERTISING)

Program ini merangkumi ilmu pengiklanan secara menyeluruh dengan mempelajari konsep asas pengiklanan hingga ke tahap aplikasi dan produksi untuk percetakan iklan media elektronik dan pengiklanan laman web. Program ini mendedahkan dan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan percetakan/DTP (majalah, pembungkusan, poster, kad dan risalah), menyediakan iklan media elektronik, papan tanda dan multimedia.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Penolong/Pereka grafik di agensi/syarikat pengiklanan multimedia
- Penolong/Pereka grafik di syarikat pengiklanan, percetakan dan penyiaran
- Penolong/Pereka grafik di jabatan kerajaan
- Penolong pereka set
- Usahawan

V15 - SIJIL PENYEJUKAN DAN PENYAMANAN UDARA – (SPU)
CERTIFICATE IN AIR-CONDITIONING AND REFRIGERATION

Program ini melibatkan teknologi dan kemahiran berkaitan Sistem Penyejukan dan Penyamanan Udara (Domestik, Komersial dan Industri). Pelajar-pelajar didedahkan dengan cara bekerja dan mengetahui komponen, alat kawalan, pempaipaan, mengesan dan memperbaiki kerosakan dengan kawalan elektronik, melakukan kerja pendawaian serta membaikpulihan kerosakan elektrik dan sistem nyah fros.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Juruteknik Sistem Penyejukan dalam sektor pengangkutan dan industri
- Juruteknik Sistem Penyamanan Udara bangunan dan industri
- Penyelia pusat servis dan baikpulihan, penyejukan dan penyaman udara
- Usahawan

V16 - SIJIL PELANCONGAN DAN PENGEMBARAAN – (SPL)
CERTIFICATE IN TRAVEL AND TOURISM

Program ini digubal untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan di dalam industri pelancongan. Program ini memberi penekanan kepada pembinaan asas pengetahuan pelancongan, pengendalian agensi, kejurulatihan rekreasi, teknologi dan ketrampilan berkomunikasi.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pemandu Pelancong
- Jurulatih Rekreasi
- Penyelia agensi pelancongan
- Pengusaha Resort/Hotel

V17 - SIJIL REKABENTUK DALAMAN – (SRD)
CERTIFICATE IN INTERIOR DESIGN

Rekabentuk dalaman adalah proses merekabentuk ruang dalaman mengikut konsep dan gaya ruang berpandukan tema tertentu serta mengaplikasi segala prinsip rekabentuk seni bina. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar meneroka kerjaya dalam bidang hiasan dalaman serta melahirkan tenaga separa mahir dalam bidang berkaitan.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Perekabentuk Dalaman
- Pembantu Arkitek
- Usahawan
- Perunding Hiasan Dalaman

V18 - SIJIL LANSKAP DAN PENGURUSAN NURSERI – (SLP)
CERTIFICATE IN LANDSCAPE AND NURSERY MANAGEMENT

Program ini melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran mengurus dan menyelenggara industri landskap dan nurseri, kumpulan tumbuhan landskap dan kegunaannya serta kemahiran melukis, mentafsir dan mengaplikasi lukisan landskap sama ada secara manual atau terbantu komputer. Pelajar juga akan dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran melaksanakan projek landskap dan nurseri serta mengusahakan nurseri.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Perekabentuk landskap
- Pembantu landskap
- Usahawan nurseri
- Perunding hiasan landskap
- Penyelia taman

V19 - SIJIL KECANTIKAN DAN DANDANAN RAMBUT – (SKD)
CERTIFICATE IN BEAUTY AND HAIR DRESSING

Program ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan selaras dengan perkembangan industri kecantikan masa kini. Modul-modul disediakan dalam program ini membekalkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar supaya mereka berupaya membuat diagnosis, memilih dan melakukan kemahiran serta profesional di dalam bidang kecantikan dan dandanan rambut.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- *Esthetician*
- *Beautician*
- Jurumekapi
- Perunding imej
- Guru seni kecantikan

- Jurujual kosmetik
- Pengusaha salon (usahawan)

V20 - SIJIL BAKERI DAN KONFEKSIONARI – (SBK) CERTIFICATE IN BAKERY AND CONFECTIONARY

Program ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan selaras dengan perkembangan industri bakeri pada masa kini. Modul-modul disediakan dalam program ini membekalkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar supaya mereka berupaya membuat diagnosis, memilih dan melakukan kemahiran serta profesional di dalam bidang bakeri dan konfeksionari.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Pengajar bidang bakeri dan pastri
- Penyelia Makanan dan Minuman
- Usahawan
- *Pastry Kitchen*
- Perunding bakeri dan pastri

V21 - SIJIL INDUSTRI SERAMIK – (SIS) CERTIFICATE IN INDUSTRIAL CERAMIC

Program ini melengkapkan pelajar dengan kemahiran memahami bahan-bahan seramik, teknik asas pembuatan seramik dan fungsi produk seramik. Pelajar akan dapat memahami proses-proses asas dalam rekaan dan menghasilkan produk seramik. Selain dari kemahiran tersebut, pelajar juga akan dapat memahami kaedah pengurusan perniagaan dan penggunaan teknologi komputer dalam industri seramik. Program ini akan mendedahkan pelajar dengan pengetahuan teknologi seramik CAD, lukisan teknikal seramik, rekabentuk seramik, teknik pembuatan model dan acuan dan apresiasi seni.

Lulusan program ini berpeluang berkhidmat sebagai:

- Perekabentuk produk seramik
- Usahawan seramik
- Jururunding seramik

V22 – SIJIL TEKNOLOGI PEMBUATAN PERABOT - (SFM) CERTIFICATE IN FURNITURE MANUFACTURING TECHNOLOGY

Melalui program ini pelajar akan diberikan kemahiran dalam kerja-kerja merekabentuk dan pembuatan perabot tradisional serta moden. Orientasi penghasilan perabot diaplikasikan dengan penggunaan komputer dan automasi CNC. Program ini akan memberikan persediaan kepada pelajar untuk memulakan kerjaya mereka di dalam industri Pembuatan Perabot.

Lulusan program ini berpeluang untuk menceburi dalam bidang:

- Juruteknik
- Perekabentuk Perabot
- Pengendali Mesin
- Penyelia Kilang
- Juruteknik Kilang